

Kesedaran tinggi berhubung isu sensitif bangsa, agama: IPS

SEBAHAGIAN besar rakyat Singapura sedar keseriusan isu kaum dan agama, dan berasa pemerintah telah melakukan yang terbaik untuk menguruskan perkara itu.

Isu yang muncul, jika disalah faham, juga dilihat memberi kesan kepada kepercayaan rakyat Singapura terhadap pemerintah.

Dapatan kajian pendapat umum mengenai garis pemisah di Singapura itu telah dijalankan oleh Institut Pengajian Dasar (IPS) dan dikeluarkan semalam.

Kaji selidik itu melibatkan sekitar 4,000 penduduk dan penduduk tetap tahun lalu.

Kajian itu mendapati kira-kira sepertiga daripada responden mengenal pasti bangsa dan agama sebagai berpotensi mengakibatkan keganasan di Singapura jika tidak diurus

dengan baik – jauh lebih ketara daripada isu kedudukan sosial, imigresen dan LGBT (lesbian, gay, biseksual dan transgender).

Namun, hanya sekitar sepertiga mengaitkan kaum dan agama dengan kepercayaan pada negara dan ahli politik, berbanding hampir 40 peratus yang mengatakan tahap kepercayaan pada pemerintah mungkin akan merosot jika masalah kedudukan sosial dan imigresen tidak diurus dengan baik.

Dapatan itu mungkin bermakna rakyat kini memberi tanggungjawab lebih banyak kepada pemerintah dalam menguruskan perbezaan kelas dan isu imigresen, kata para penyelidik.

Ini tidak seperti pada tahun-tahun awal selepas kemerdekaan, apabila tumpuannya adalah untuk menangani ketegangan kaum dan politik perkauman.

Penulis kajian itu ialah felo penyelidik kanan IPS, Mathew Mathews; felo penyelidik, Melvin Tay dan penyelidik Shanthini Selvarajan.

Sekitar seperlima orang muda berusia antara 18 dengan 25 yang dikaji menginginkan lebih banyak penglibatan negara dalam isu kaum, berbanding sepertiga daripada mereka yang berusia 65 tahun ke atas.

Hasil yang sama dilihat dalam isu agama. Ini mungkin disebabkan pengalaman hidup generasi lama, yang mengalami rusuhan kaum pada 1964 dan kes Maria Hertogh.

Bagi warga Singapura yang lebih tua, peristiwa itu membawa kepada perlunya campur tangan pemerintah dalam menjaga keamanan, kata kajian itu.

Dapatan itu juga mendapati lebih ketara dalam kalangan orang Melayu dan India (kira-kira 40 peratus) menginginkan penglibatan negara yang lebih besar terhadap isu kaum berbanding 24 peratus kaum Cina – petanda bahawa etnik minoriti lebih cenderung merasa atau mengalami diskriminasi berbanding majoriti.

Trend yang sama diperhatikan dalam bidang agama.

Lebih ramai minoriti (61 peratus Melayu dan 55 peratus kaum India) mahukan undang-undang lebih kuat dalam bidang itu, berbanding 46 peratus kaum Cina.

Di samping itu, golongan minoriti yang berpendidikan tinggi, siswazah universiti dan ke atas menginginkan lebih banyak cam-

pur tangan negara berbanding rakan sejawat yang kurang berpendidikan.

Ini menunjukkan tahap pendidikan meningkatkan kesedaran dan keinginan untuk menyelesaikan masalah perkauman dan agama, tambah kajian tersebut.

Kira-kira 30 peratus orang Melayu dan India juga lebih cenderung melihat tuduhan dengan serius dengan melaporkannya kepada pihak berkuasa, berbanding 13 peratus orang Cina.

Warga Singapura yang lebih muda juga akan lebih proaktif dalam mengesan sumber mesej, dengan dua pertiga mengatakan mereka akan menyemak dengan rakan mereka yang menghantarnya, berbanding hanya separuh daripada responden berumur 65 tahun ke atas.